

PANDUAN KESELAMATAN

Sebagai maklum balas kepada pertanyaan daripada pelbagai pihak, Kedutaan Besar Malaysia di Ankara ingin menyatakan perkara-perkara berikut:

1. Pihak berkuasa Malaysia belum mengeluarkan larangan perjalanan kepada rakyat Malaysia yang berhasrat untuk berkunjung ke Republik Turki;
2. Pihak berkuasa Republik Turki pada masa ini sedang menjalankan operasi anti-keganasan di dalam dan juga di luar sempadan Republik ini. Pada masa yang sama, pihak berkuasa Republik Turki telah berdepan dan menangani impak daripada ancaman serta serangan pengganas yang telah berlaku, termasuk serangan bom di Ankara pada 10 Oktober 2015;
3. Ekoran daripada kejadian letupan bom di Ankara pada 10 Oktober 2015, Kementerian Luar Negeri Malaysia telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain mengingatkan rakyat Malaysia yang bermestautin di Turki ataupun melawat Turki supaya sentiasa mengutamakan keselamatan diri, keselamatan persekitaran dan memantau serta mematuhi nasihat yang dikeluarkan oleh Kerajaan Republik Turki;
4. Berdasarkan kepada peringatan oleh Kementerian Luar Negeri Malaysia seperti di perenggan 3 di atas, Kedutaan Besar Malaysia di Ankara ingin berkongsi dengan rakyat Malaysia tentang panduan-panduan keselamatan semasa berada di Republik Turki, seperti berikut:
 - (a) Sentiasa memberi keutamaan dan perhatian serius kepada keselamatan diri;
 - (b) Mengambil langkah-langkah wajar untuk meningkatkan kesedaran tentang situasi keselamatan semasa dan sentiasa peka mengikuti perkembangan berita media massa serta peraturan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa;
 - (c) Mengelakkan kawasan berhampiran pejabat atau markas pihak keselamatan, perhimpunan atau protes awam, dan tempat-tempat awam yang berpotensi menjadi sasaran serangan pengganas;

- (d) Menangguhkan lawatan atau tidak berkunjung ke wilayah-wilayah di timur dan tenggara Turki termasuk kawasan sepanjang sempadan Turki dengan Iran, Iraq dan Syria.
5. Kedutaan Besar Malaysia di Ankara boleh dihubungi oleh rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular yang sewajarnya menerusi maklumat berikut:

Kedutaan Besar Malaysia di Ankara, Turki
58, Mahatma Gandhi Caddesi
Gaziosmanpasa
Cankaya
06700, Ankara

Tel: +(90)312-4463547; +(90)312-4463548
Faks: +(90)312-4464130
E-mel: mwankara@kln.gov.my
embassymalaysia.ankara@gmail.com

Facebook Page: Embassy of Malaysia in Ankara

Pegawai Konsular: Encik Abdul Majid Husain
No. Telefon bimbit: 009 05345734799